

Kerja naik taraf Terminal 1 guna dana swasta

BH ONLINE | Rabu, 27 November 2019 | 6:54pm



PENGERUSI Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong. - Foto Iqmal Haqim Rosman

SEREMBAN: Kerja menaik taraf Pusat Pengangkutan Terminal 1 di sini, akan menggunakan dana pihak swasta sepenuhnya, kata Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong.

Beliau berkata, pihak Majlis Perbandaran Seremban (MPS) kini dalam proses mengenal pasti syarikat yang layak dan berkeupayaan untuk melaksanakan projek itu.

“Memandangkan bangunan terminal ini berusia lebih 25 tahun, pelbagai kerosakan berlaku dan memerlukan pembaikan yang lebih khusus.

“Melalui kerjasama pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), MPS menerima beberapa cadangan untuk menaik taraf pengurusan Terminal 1.

“Daripada cadangan diterima, kebanyakan syarikat hanya tertumpu kepada naik taraf sistem pengurusan terminal (TMS) saja, merangkumi sistem operasi terminal (TOS), sistem jualan tiket bersepadu (CTS) dan sistem paparan maklumat awam (PIDS) berbanding menaik taraf secara keseluruhan,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Ng Chin Tsai (DAP-Temiang) pada sesi pertanyaan lisan di Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-14 di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Kok Seong berkata pihak APAD berpendapat syarikat terbabit tidak dapat mengemukakan cadangan yang lebih menyeluruh kerana Terminal 1 masih terikat dengan perjanjian sedia ada antara MPS dan One Park Management Sdn Bhd (OPM).

Katanya, pihak OPM pada awal perbincangan setuju menyerahkan sebahagian pengurusan iaitu operasi keluar masuk bas kepada pihak MPS dan hanya menumpukan kepada pengurusan tempat letak kereta serta motosikal.